





PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA





PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

IMBASAN SEJARAH JALINAN HUBUNGAN DUA NEGARA

LALUAN PERDAGANGAN

Hubungan dua hala antara Malaysia dan China telah bermula sejak abad pertama di mana wujudnya laluan laut antara China dengan India. *Duyuan*, nama sebuah persinggahan, atau pelabuhan di mana kapal dagangan China berhenti berehat sebelum meneruskan perjalanan tercatat dalam sejarah pelayaran negara China.

Duyuan atau Semenanjung Tanah Melayu merupakan tempat persinggahan terbaik bagi kapal-kapal perdagangan China.

KESULTANAN MELAYU MELAKA

Di bawah kebangkitan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Parameswara / Megat Iskandar Shah [1402-1424M] hubungan diplomatik pertama antara Melaka dengan China terjalin. Tahun 1404, Melaka menerima perutusan Maharaja China iaitu Laksamana Yin Ching kemudian diikuti oleh Laksamana Cheng Ho pada tahun 1405 dan 1409. Hubungan ini diperluaskan dengan hubungan ketenteraan lantaran kerajaan Melaka menerima ancaman dari kerajaan Siam, maka kerajaan China pada masa itu bersetuju menaungi Melaka.

Pada 1411, Parameswara diiringi Laksamana Cheng Ho telah pergi menghadap Maharaja Yung Lo di China.

Peristiwa perkahwinan Sultan Mansor Shah [1459-1477M] dengan Puteri Hang Li Po telah membuka lembaran baru dalam sejarah perhubungan dua hala antara Melaka dan China. Hubungan ini memperlihatkan pusingan pertama proses migran masyarakat China ke Tanah Melayu yang kini dikenali sebagai kaum Baba dan Nyonya.



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA




PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

IMIGRAN CINA

Proses penghijrahan kedua masyarakat China ke Tanah Melayu dalam sekitar abad ke 19 dan 20 lantaran faktor peluang-peluang kerja yang terbentang luas di Tanah Melayu. Kini, hubungan antara Melaka dan China bukan lagi bersandarkan kepada hubungan diplomatik semata-mata, tetapi hubungan dua hala ini telah bertukar menjadi hubungan erat dari segi politik, sosial dan juga ekonomi.



PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

Zaman TUNKU ABDUL RAHMAN

Pada tahun 1949, Republik China ditubuhkan. Tanah Melayu pula mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hubungan antara Tanah Melayu-China adalah dingin kerana terjadinya perang dingin antara blok Barat berfahaman kapitalis yang dipelopori oleh Amerika Syarikat dengan China yang berfahaman Komunis. Ketika itu, Tanah Melayu menghadapi ancaman dari Parti Komunis Melayu (PKM) yang mendapat sokongan kuat dari Parti Komunis China seterusnya hal ini menyebabkan hubungan yang dingin terjadi antara Tanah Melayu dan China.



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

Bermulanya Hubungan Diplomatik Rasmi

MALAYSIA - CHINA



Hubungan diplomatik antara Malaysia-China telah terjalin selama 40 tahun dan secara rasminya terjalin pada tahun 1974. Hubungan antara dua buah negara ini terjalin setelah pelbagai dugaan berjaya ditempuh ke arah normalisasi hubungan Malaysia dan China, hasil kunjungan Tun Abdul Razak ke China telah menghasilkan hubungan baik antara dua buah negara besar ini.




KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

TUN ABDUL RAZAK



Setelah Tun Abdul Razak mengambil tampuk pemerintahan negara, beliau melihat hubungan dingin yang terjalin antara Malaysia-China adalah merugikan kedua-dua pihak. Hubungan ini menyebabkan ketidakamanan serantau. Tun Abdul Razak telah bertindak dengan menukarkan sikap berorientasikan Barat kepada sikap berkecuali. Ini terbukti apabila terbentuknya pertubuhan ASEAN pada tahun 1967. Organisasi Serantau ini memberikan penekanan yang kuat kepada kerjasama untuk menyelesaikan konflik serantau dengan cara rundingan dan sekaligus memajukan kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, sosial dan kebudayaan.



Pada tahun 1968, Malaysia telah mencadangkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOFPAN) dan akhirnya diterima oleh negara-negara ASEAN pada tahun 1971. Fenomena ini menyebabkan negara China memberikan isyarat positif dalam menjalinkan hubungan dengan Malaysia.



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

Delegasi sosial ke China

Pada tahun 1971 delegasi sosial daripada Malaysia diterima secara baik di China. Tunku Razaleigh Hamzah telah mengetuai perwakilan perdagangan Malaysia ketika itu telah dipertemukan dengan Perdana Menteri China Zhou Enlai.



Diplomasi Ping-Pong

Bekas Menteri Perumahan, Datuk Michael Chen juga merupakan individu yang bertanggungjawab dalam usaha pemulihan hubungan antara Malaysia dan China. Beliau ditugaskan untuk mengetuai pasukan ping-pong Malaysia untuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan China di Beijing pada 1971.

Pada tahun 1973, negara China diterima menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Fenomena ini menyebabkan jalan untuk menjalinkan hubungan yang erat dengan China terbuka luas apabila rundingan rasmi telah dilakukan untuk mewujudkan hubungan diplomatik antara Ketua Perwakilan Tetap Malaysia iaitu Encik Zakaria Mohamed Ali ke PBB dengan Encik Huang Hua iaitu diplomat dari China.



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

Lawatan Diplomasi ke **CHINA**

Pada tahun 1974, lawatan Tun Abdul Razak ke China telah disambut baik oleh pemimpin dan rakyat negara China. Lawatan ini merupakan titik permulaan bagi hubungan erat antara Malaysia-China apabila Perdana Menteri China dan Tun Abdul Razak menandatangani *Pengumuman Bersama Penjalinan Hubungan Diplomatik China-Malaysia* pada 31 Mei 1974.



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

CHINA mengiktiraf MALAYSIA sebagai Negara Berdaulat

Rombongan pertama Republik Rakyat China ke Malaysia adalah pada 27 Ogos 1971. Antara pemimpin China yang pernah melawat Malaysia ialah Deng Xiou Ping, Deng Xiou Ping, Jiang Zemin, Li Peng, Zu Rongji dan Hua Jintao. Manakala kesemua mantan Perdana Menteri Malaysia bermula dari Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Badawi pernah melawat negara China. Kini, di era pemerintahan Dato' Sri Najib Tun Razak, hubungan dua hala antara Malaysia dan China terus diperkukuhkan.

Simbol Persahabatan

Ketibaan sepasang Panda gergasi yang dipinjamkan oleh kerajaan China kepada Malaysia untuk tempoh 10 tahun pada 22 Mei 2014 merupakan sebagai satu simbolik dalam menghargai perhubungan dua hala antara negara ini dan China yang telah terjalin sejak sekian lama.



PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

Hubungan Sosial & Kebudayaan **MALAYSIA - CHINA**

Hubungan sosial dan kebudayaan Malaysia-China telah terjalin lama iaitu kira-kira 600 tahun dahulu sewaktu zaman kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Hubungan tersebut berubah menjadi dingin di atas pelbagai sebab dan kembali bertaut pada tahun 1974.



PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

DELEGASI RASMI KEBUDAYAAN

- Delegasi rasmi kebudayaan yang pertama terjalin antara Malaysia-China ialah pada Januari 1987. Ia dibuat dengan Agensi Persembahan China (China Performing Arts Agency) bagi membawa masuk akrobatik dan mengadakan persembahan di negara ini.
- Pada 4-15 April 1987, pertunjukan Akrobatik Cemerlang China telah dilakukan di Stadium Negara, Kuala Lumpur. Peristiwa ini merupakan titik permulaan kepada terjadinya hubungan sosial dan kebudayaan antara Malaysia-China.
- Lawatan Kebudayaan kedua bertarikh 9-22 Oktober 1988, dan dipimpin oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan pada ketika itu iaitu Datuk Sabaruddin Chik. Rombongan ini telah berkunjung ke lima buah bandar utama di China iaitu Beijing, Xian, Shanghai, Hanzhou, dan Guangzhou. Kumpulan Kompleks Budaya Negara turut menyertai rombongan ini bagi mengadakan aktiviti kesenian di beberapa bandar pilihan di China.
- Pada 3-18 November 1991, Dato' Haji A.Aziz Bin Deraman Presiden, Majlis Festival dan Pertubuhan Kesenian Antarabangsa (CIOFF Malaysia) diundang oleh Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Negara China (State Nationalities Affairs Commissions) untuk mengadakan lawatan dan membawa kumpulan Alabaladi Kelantan dan menjadi tetamu dalam Festival Kesenian Rakyat dan Sukan Tradisional China.



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA




PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

SEKTOR PELANCONGAN

Dari segi pelancongan juga, pengunjung dan pelancong dari negara China meningkat naik setiap tahun. Bermula pada tahun 1986-1989 pelancong China yang datang ke Malaysia adalah sekitar 10,000 orang, jumlah ini meningkat kepada 42,000 orang dalam tahun 1990. Pada tahun 1993, lebih kurang 81,779 orang pelancong China datang ke Malaysia. 20 tahun kemudian iaitu pada tahun 2013, pengunjung China ke Malaysia semakin meningkat iaitu 1.7 juta orang. Jumlah tersebut diharapkan meningkat kepada 2 juta orang sempena tahun melawat Malaysia (Visit Malaysia Year) 2014.

TABURAN PERATUSAN PENDUDUK MENGIKUT KAUM, MALAYSIA (2010)



Hubungan sosial yang terjalin antara China dan Malaysia membawa impak positif kepada kedua-dua pihak. Menurut beliau lagi, rakyat negara China gemar melancong ke Malaysia kerana terdapat persamaan budaya, bahasa dan makanan dengan masyarakat Cina di Malaysia. Selain itu, kedudukan Malaysia sebagai negara Islam menjadikan masyarakat Cina Muslim di China selesa menjadikan Malaysia sebagai destinasi percutian mereka.

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA - CHINA

Profil perdagangan dua hala telah menyaksikan perubahan yang besar sejak 10 tahun lepas dengan komoditi tidak lagi menjadi sumber utama barang yang didagangkan, dan sebanyak 50 peratus daripada perdagangan kini terdiri produk pembuatan dan barangan nilai ditambah yang lebih tinggi atau lain-lain lagi. Perhubungan antara Malaysia dan China selama hampir 40 tahun ini telah banyak mengubah sektor ekonomi Malaysia sehingga menjadi lebih kukuh pada era ini.

- Malaysia merupakan antara 10 negara yang menjadi pelabur terbesar di China pada tahun 2008.
- Perdagangan dua hala antara Malaysia dan China mencecah \$39.06 bilion pada 2008, meningkat sebanyak 10.3 peratus berbanding dengan 2007.
- China kini rakan perdagangan ke-empat terbesar Malaysia dan pasaran eksport ke empat terbesar.
- Nilai keseluruhan perdagangan antara kedua-dua negara mencecah lebih US\$90 bilion pada 2011, meningkat sebanyak US\$52 bilion dari tahun sebelumnya. Malaysia terus menjadi rakan dagang terunggul China dalam ASEAN, dengan peningkatan perdagangan dua hala sebanyak 23.9 peratus tahun ke tahun antara kedua-dua negara kepada AS\$33.88 bilion (RM102.21 bilion) dalam suku pertama tahun 2012.



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

MELESTARI HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

**HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA AKAN TERUS MEKAR,
KATA DATO' SRI NAJIB**

- Perdana Menteri berada di China bermula 28 Mei 2014 sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik dijalin antara Malaysia dan China. Semasa di Beijing, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak menyaksikan pemeteraian perjanjian memorandum persefahaman antara kerajaan melibatkan perdagangan dua hala dan kerjasama politik, melawat Beijing Foreign Studies University, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Huawei dan menunaikan solat Jumaat di Masjid Niujie.
- Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak dalam lawatan itu merasmikan persidangan antarabangsa 'Pengajian Melayu 2014 Hubungan Malaysia-China' dan melancarkan tiga buku - Kamus China-Melayu Dewan, Kajian Bandingan Pantun Melayu dengan Nyanyian Rakyat Tiongkok dan Eksplorasi Pengajian Melayu-China di Beijing Foreign Studies University.
- Malaysia dan China telah banyak menerima manfaat daripada hubungan selama 40 tahun, dan lawatan itu adalah perlu untuk memastikan hubungan itu 'terus berada di landasan' yang tepat, supaya ia tidak mudah goyah.
- Malaysia dan China menjalin hubungan diplomatik pada 31 Mei 1974 apabila almarhum Tun Abdul Razak Hussein, yang juga ayahanda Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak adalah Perdana Menteri Malaysia.
- Malaysia adalah antara negara ASEAN yang pertama menjalin hubungan diplomatik dengan ekonomi kedua terbesar dunia itu.



PAMERAN HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA

- China menjadi rakan perdagangan terbesar Malaysia sejak 2009, manakala Malaysia terus menjadi rakan perdagangan terbesar China di ASEAN sejak 2008.
- Tahun lalu, perdagangan dua hala antara kedua-dua negara berjumlah AS\$106 bilion. Malaysia dan China bersetuju untuk meningkatkan perdagangan dua hala kepada AS\$160 bilion menjelang 2017.
- Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak berkata mekanisme yang konkrit lagi tuntas mesti dibina agar segala langkah dan perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk mewajahkan hubungan diplomat antara Malaysia dan China bagi 40 tahun lagi. Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak mencadangkan mekanisme lima perkara iaitu
 - memperhebat dan memperkasa hubungan sosiobudaya, nilai-nilai dan kemanusiaan;
 - memberi nilai tambah kepada kursi Pengajian Melayu kerajaan Malaysia di China;
 - meningkatkan kerjasama penerbitan dan penterjemahan;
 - membina kolaborasi dalam penyelidikan;
 - serta memperhebat penghantaran dan pertukaran pelajar dan peserta Malaysia-China secara berkala.



SUMBER RUJUKAN

BUKU

Abdulai, D.N.

China's New Great Leap Forward : an Emerging China and its Impact on ASEAN. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing, 2007. Print.

Abdullah Dahana

China dan Malaysia dalam Arena Perang Dingin. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002. Cetak.

Chung, K.H and Kheng, K.Y.

Malaysia, Southeast Asia and the Emerging China: Political, Economic and Cultural Perspectives. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies, 2005. Print.

Connors, M.K., Davison, R., and Dosch, J.

The New Global Politics of the Asia - Pacific. New York: RoutledgeCurzon, 2004. Print.

Tambunlertchai, S., and Anthony, C.M.

Challenges to South Asia. Selangor: Asian and Pacific Development Centre, 1992. Print.

Tregonning, K.G., ed.

Malaysian Historical Sources: a Series of Essays on Historical Material Mainly Malaysia on Malaysia. Singapore: History Department, University of Singapore, 1962. Print.

Weber, M.

Reforming Economic Systems in Asia. UK: Edward Ekgar Publishing Limited, 2001. Print.

TERBITAN BERSIRI

A. Samad Ismail.

"Masa Depan Malaysia-China." *Dewan Masyarakat.* Jun. 1993 : 8-12. Cetak.

Ahmad Asri Zakaria.

"Perhubungan Malaysia-China Semakin Erat Melalui Perhubungan Dua Hala." *Dewan Buletin Parlimen Malaysia.* 1.1 (Jan. 1997) : 20-21. Cetak.

Balakrishnan, K.S.

"Malaysia-China Relations : Moving Beyond Ideological Barriers, Marching Towards Smart Partnership." *Asian defence and Diplomacy.* 3.10 (Oct. 1997) : 21-26. Cetak.

KERATAN AKHBAR

"Lawatan Najib ke Beijing Tingkat Kerjasama Fasa Baharu." *Utusan Melayu* 26 Mei 2014: 26. Cetak.

"Sempena Ulang Tahun ke-40 Hubungan Malaysia-China: Mengulang Sejarah Jalinan Diplomatik." *Utusan Melayu* 28 Mei 2014: 11. Cetak.

"KL, Beijing Rakan Kongsi Keamanan, Kemakmuran." *Berita Harian* 31 Mei 2014: Pp 4. Cetak.

Mustapha Omar.

"Bincang Hala Tuju 2 Negara." *Berita Harian* 31 Mei 2014. Pp 2. Cetak.

Rozaman Ismail.

"Fasa Baharu Malaysia-China." *Utusan Melayu* 31 Mei 2014: 3. Cetak.

"Bahasa Melayu, Bahasa Diplomatik Dunia." *Utusan Melayu* 31 Mei 2014: 3. Cetak.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). "Perluas Program Pengajian Melayu." *Berita Harian* 31 Mei 2014: 2. Cetak.

LAMAN WEB

"Bahasa Melayu Kini Diangkat Bahasa Kelima Terbesar." *Utusan Online.* 30 Mei 2014.

Web. 24 Jun 2014. http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140530/dn_26/Bahasa-Melayu-kini-diangkat-bahasa-kelima-terbesar

"Ceramah Hubungan Diplomatik Malaysia - China oleh TYT Duta Besar Malaysia di China." *CRI Online.* 24 Dis. 2014. Web. 14 Jun 2014.

<http://malay.cri.cn/781/2012/12/24/101s136989.htm>



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

- “Eksport Nanas Malaysia ke China 10 Kontena Setiap Bulan.” *Utusan Online*. 27 Ogos 2013. Web. 14 Jun 2014.
<http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi>
- “Hubungan Malaysia - China ditahap Terbaik.” *Sinar Harian Online*. 19 Jun 2012. Web. 14 Jun 2014 .
<http://www.sinarharian.com.my/nasional>
- “Hubungan Terjalin Melalui Perdagangan.” *Berita Harian*. 30 May 2014. News Image Bank . Web. 24 Jun 2014.
[http://www.nib.com.my/archives/text/view/126366178?pos=2&hide_header=1&resultst=nstpec%3Awww/cross search/search.php%3A_1402712825%3Aresultset](http://www.nib.com.my/archives/text/view/126366178?pos=2&hide_header=1&resultst=nstpec%3Awww/cross%20search/search.php%3A_1402712825%3Aresultset)
- “Kedatangan Pelancong China ke Malaysia Tidak Terjejas oleh Pasaran Baru.” *Bernama Online*. 19 Jun 2008. Web. 24 Jun 2014.
<http://www.bernama.com/bernama>
- “Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan China – Malaysia Cerah.” *CRI Online*. 29 Apr. 2011. Web. 24 Jun 2014.
<http://malay.cri.cn>
- “Kerjasama Pendidikan Malaysia-China akan Diperluaskan.” *Utusan Online*. 19 Apr. 2011. Web. 24 Jun 2014.
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0419&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm
- “Lawatan Najib ke China Lakar Sejarah 40 Tahun Jalin Hubungan.” *The Malaysian Insider Online*. 26 May 2014. Web. 24 Jun 2014.
<http://www.themalaysianinsider.com>
- “Lawatan Pak Lah dalam Konteks Kepentingan Global Dunia Melayu Masa Kini.” *CRI Online*. 24 Dis. 2012. Web. 14 Jun 2014.
<http://malay.cri.cn/781/2012/12/24/101s136990.htm>
- “Memperkasa Pengajian Bahasa Melayu.” *CRI Online*. 24 Dis. 2012. Web. 14 Jun 2014.
<http://malay.cri.cn/781/2012/12/24/101s136979.htm>
- “Mustapha Mulakan Misi Perdagangan di China.” *Berita Harian Online*. 26 May 2014. Web 14 Jun 2014.
<http://beritaharian.com.my/bharian>
- “Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu di Beijing.” *Berita Harian Online*. 12 Feb. 2014. Web. 24 Jun 2014.
<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PersidanganAntarabangsaPengajianMelayudiBeijing/Article/index.html>
- “Sarang Burung Walit Boleh di Eksport ke China.” *Milenia Online*. 1 Jan. 2014. Web. 24 Jun 2014.
<http://mileniaonline.com>
- “Sejarah Panjang Hubungan Malaysia – China.” *Repository @usm* . 13 Jul. 2013. Web. 14 Jun 2014.
http://eprints.usm.my/15538/1/Sejarah_Panjang_Hubungan_Malaysia_China.pdf

PERSIDANGAN

- Halimi Mohd Khalid, Nik Kamal Wan Muhammad, dan Abdullah Sulaiman.
 “Pengajian Tamadun China di dalam Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Institusi-institutusi Pengajian Tinggi di Malaysia.” *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing yang Berlangsung di Beijing, Kuala Lumpur, 20-24 Mei 1996*. Beijing: Beijing Foreign Studies University, 1996. Cetak.
- Khairul Azman Mohd Suhaimy, dan Shamsaadal Sholeh Haji Saad.
 “Hubungan Malaysia-China dalam konteks kejayaan Dasar Luar Negara melalui Kursus wajib Universiti – Kenegaraan dan Pembangunan Mutakhir Malaysia di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO).” *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing yang Berlangsung di Beijing, Kuala Lumpur, 20-24 Mei 1996*. Beijing: Beijing Foreign Studies University, 1996. Cetak.

WEB

- “Ucapan Y.A.B Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di Seminar Persahabatan China-Malaysia, Beijing Foreign Studies University, China, 25 Mei 2004.” Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 24 Jun 2014. Web. 24 Jun 2014.

